

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Adakah Pas tidak suka diadakan pilihanraya?

SEPERTI yang diduga, kempen pilihanraya kecil di Selising dan Kemumin, Kelantan, yang kini berjalan begitu rancak berkisar kepada isu agama. Barangkali hal ini tidak dapat dilakukan kerana dua parti Islam telah menyertai pilihanraya, iaitu Pas dan Hamim, sedangkan Berjasa ikut serta di dalam pilihan raya itu sebagai parti komponen Barisan Nasional Kelantan. Tetapi sayangnya kempen pilihanraya Pas tidak meneroka isu-isu baharu melainkan menghidupkan terus soal-soal agama secara yang boleh mengeruhkan keadaan. Misalnya, risalah yang dikatakan ditaburkan oleh Pemuda Pas Kelantan di Selising dan Kemumin mengenai istilah "kafir." Risalah-risalah itu yang bertajuk "amanat Tuan Guru Abdul Hadi" mengandungi petikan ucapan naib presiden Pas itu dalam satu majlis ceramahnya tidak lama dahulu.

Sama ada ceramah itu menjejaskan keamanan dan dimaksudkan untuk meruncingkan keadaan, tidaklah dapat kita pastikan kerana kita tidak arif dalam bidang undang-undang.

Tetapi tidak dapat diragukan bahawa penyebaran risalah-risalah itu adalah tidak sihat sebagai satu taktik dalam kempen pilihanraya. Ceramah itu sekadar mengandungi teriakan-teriakan slogan sahaja. "Kita menentang dia (maksudnya Barisan Nasional) kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah," demikian bunyi satu petikan dari ceramah itu. Adakah Perlembagaan Malaysia yang menjadi asas negara dan kehidupan rakyat kini "Perlembagaan penjajah?" Adakah ia berupa "peraturan kafir?" Adakah ia di maksudkan untuk "mengekalkan peraturan jahiliah?" Dan seterusnya, "Kalau kita mati kerana melawan ini (maksudnya menentang perlembagaan dan peraturan 'penjajah,' 'kafir' dan 'jahiliah' itu) maka "mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam."

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh, dalam ceramahnya di Kemumin malam kelmarin menarik perhatian parti-parti pembangkang terhadap kemungkinan Kerajaan "akan

mengambil tindakan undang-undang ke atas pemimpin Pas yang memutar belit ayat-ayat suci Al-Quran dan Hadis sehingga menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam."

Sama ada Tengku Razaleigh merujuk kepada risalah-risalah seperti itu tidaklah kita tahu tetapi berita-berita di sekitar kempen pilihanraya di Selising dan di Kemumin banyak menyebut tentang adanya kempen kafir mengkafir yang dijalankan oleh parti pembangkang. Pas telah dicabar supaya menghuраikan sistem ekonomi Islam yang diperjuangkannya. Setiausaha Pemuda Umno Negeri, Encik Rozali Isahak telah mencabar pula Pas supaya membentangkan rancangan-rancangan pembangunannya untuk rakyat dan untuk Negeri Kelantan. Kemungkinannya Pas tidak akan menyambut cabaran ini. Seorang pemimpin Pas di Selising kelmarin mengatakan Pas tidak berjuang untuk menegakkan demokrasi. "Demokrasi bukan perjuangan kita," kata pemimpin Pas itu. "Kita berjuang untuk menegakkan Islam dan beri-

man dengan Islam." Anehnya beliau mengkritik pula kerajaan Barisan Nasional kerana tidak mengamalkan "konsep demokrasi sebenarnya." Sebabnya, menurut beliau lagi, ialah kerana "golongan yang menyokong parti pemerintah sahaja mendapat kemudahan-kemudahan seperti subsidi baja," dengan demikian menafsirkan amalan demokrasi dengan dasar pembahagian baja.

Pengundi-pengundi di Selising dan di Kemumin barangkali boleh bertanya, mengapakah Pas bertanding dalam pilihanraya kecil di kedua-dua kawasan itu kalau sekiranya ia menganggap Perlembagaan dan peraturan negeri ini bersifat "penjajah," "kafir" dan "jahiliah?" Adakah orang-orang Umno dan Berjasa tidak "beriman dengan Islam?" Kalau sekiranya Pas tidak berjuang untuk demokrasi yang menurut pemimpin Pas sendiri bererti "memberi kebebasan bersuara, berarak, mengadakan pilihanraya dan pembahagian hak-hak dengan adil" kepada rakyat, adakah sistem dan gagasan lain yang dapat diutarakan oleh Pas sebagai ganti "demokrasi?"